

BAB 4

ANALISIS DAN PERBANDINGAN TEKS

4.0 PENDAHULUAN

Bahasa kiasan menjadi salah satu unsur penting dalam karya. Penggunaannya dalam karya sastra dilihat sebagai satu gaya atau stail pengarang berkarya demi menyampaikan amanat dan wacananya dengan lebih berkesan.

Walau bagaimanapun, antara satu pengarang dengan pengarang yang lain, mereka memiliki gaya yang berbeza – terutamanya bagi pengarang yang sudah mempunyai jati diri dan memiliki gaya pengucapannya yang tersendiri. Perbezaan ini dilihat penting lantaran ia bukan sahaja mencerminkan identitinya, tetapi juga kreativiti pengarang berkenaan.

Justeru, analisis terhadap teks cerpen Zakaria Tamer dan Azizi Hj. Abdullah yang menggunakan pendekatan stilistik ini akan cuba melihat secara terperinci bahasa kiasan yang digunakan oleh kedua-dua pengarang dalam cerpen mereka.

4.1 ANALISIS BAHASA KIASAN DALAM CERPEN ZAKARIA TAMER DAN AZIZI HJ. ABDULLAH

Gaya bahasa kiasan dikatakan dapat merangsangkan daya fikir pembaca. Sudah menjadi disiplin kesusasteraan tidak menyatakan mesej secara jelas atau berterus-terang kerana mesej yang jelas atau berterus-terang bukanlah sebuah karya kreatif. Justeru, para

pembacanya dituntut memiliki daya fikir yang tinggi selain mampu membuat penafsiran sendiri berdasarkan ungkapan-ungkapan kiasan yang ditemukan.

Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam bab terdahulu, beberapa jenis bahasa kiasan kerap kali digunakan oleh para pengarang dalam karya-karya cerpen mereka. Justeru, bab ini akan menganalisis jenis-jenis bahasa kiasan yang ditemui dalam dua cerpen tersebut.

4.1.1 *Ya Ayyuha al-Karaz al-Mansiy*

Sebagaimana yang dimaklumi, *Ya Ayyuha al-Karaz al-Mansiy* adalah antara cerpen Zakaria Tamer yang terkenal dan telah diterjemahkan ke pelbagai bahasa dunia. Temanya yang universal dan mesra dengan rakyat kebanyakan selain teknik naratifnya yang memikat pembaca barangkali menjadi faktor cerpen ini begitu digemari ramai. Selain kepopularannya itu, cerpen ini juga kaya dengan bahasa kiasan dan unsur simbolik yang menjadi salah satu identiti Zakaria Tamer.

Cerpen ini sebenarnya adalah kritikan sosial-politik yang tajam dan pedas jika disorot realiti politik yang berlaku di sebuah negara Arab yang beraliran sosialisme. Kekacauan sistem sosial, penindasan terhadap golongan marhaen dan penipuan yang dilakukan oleh golongan aristokrat dan politikus menjadi ramuan utama Zakaria.

Naratif cerpen ini dimulakan dengan pengarang mengangkat situasi yang dialami oleh satu komuniti penduduk di sebuah kampung terpencil di Syria apabila mendapat berita bahawa Umar al-Qasim yang pernah bertugas sebagai guru di sekolah kampung mereka dahulu telah dilantik menjadi menteri. Berita itu tentu sahaja menggembirakan

seluruh penduduk kampung yang sangat menyayangi Umar dan sentiasa menganggapnya wira kampung mereka.

Justeru para penduduk kampung yang teruja dengan berita tersebut lekas terkenang jasa-jasa Umar ketika bertugas di situ dahulu. Bagi mereka Umar – meskipun bukan berasal dari kampung itu – adalah lambang kekuatan mereka. Malah keberanian Umar memperjuangkan nasib penduduk yang miskin dalam menentang penindasan golongan kaya kekal menjadi sebutan hingga ke hari ini.

Lantas masing-masing berhasrat untuk ke Damsyik bagi menemui Umar, meraikannya dan mengucapkan tahniah kepadanya. Bagaimanapun, mereka akhirnya bersepakat memilih Abu Fayyad sebagai wakil kampung mereka untuk menemui Umar. Mereka juga bersetuju untuk menghadihkan Umar sebakul ceri merah yang segar yang amat digemarinya suatu ketika dulu.

Sepulangnya Abu Fayyad dari kota Damsyik dengan menaiki bas, di tangannya masih ada sebakul ceri yang dibawanya ke Damsyik untuk dihadiahkan kepada Umar. Para penduduk kampung terkejut dengan riak wajah Abu Fayyad yang jelas kecewa lalu bertanya kepadanya. Sambil melangkah pulang, Abu Fayyad memberitahu, Umar yang mereka puja itu telah meninggal dunia. Walhal Umar sebenarnya tidak mati. Bahkan Umar yang menjadi menteri itu kini sudah lupa daratan dan tidak mengingati mereka lagi.

Cerpen bertemakan isu sosial ini dimulakan dengan dua ayat yang sederhana panjangnya tetapi menarik:

شَهَقَتْ ضَبَعُنَا مَدْهُوشَةً لَمَّا عَلِمَتْ أَنَّ عُمَرَ الْقَاسِمِ قَدْ صَارَ وَزِيْرًا. وَهِيَ ضَبَعُنَا يَا عُمْرُ كَمَا

تَرَكَتُهَا وَرَدَّةً مِنْ طِينٍ وَعُشْبًا مِنْ أَصْفَرٍ وَنَهْرًا مِنَ الْأَطْقَالِ الْخَفَاءِ.

Terjemahan: *Kampung kami gempar apabila mendengar khabar bahawa Umar al-Qasim telah menjadi seorang menteri. Dan, inilah kampung kita pun wahai Umar! Masih lagi seperti dahulu, penuh dengan bunga-bunga debu dan rumput-rumput yang kekuningan serta sungai-sungai yang dipenuhi oleh anak yang tidak berkasut. (Dimasyq al- Hara'iq: 29).*

Jelas sekali Zakaria memulakan cerpennya dengan bahasa kiasan bagi menggambarkan situasi kekecohan dan kegemparan di kampung tersebut. Ayat pertama شَهَقَتْ ضَيْعَتُنَا مَدْهُوْشَةً لَمَّا عَلِمَتْ أَنَّ عُمَرَ الْقَاسِمَ قَدْ صَارَ وَزِيْرًا mengandungi gaya kiasan memandangkan pengarang menyebut bahawa satu kampung kecoh dan riuh berbau gembira sebaik mengetahui pelantikan tersebut. Mengikut ilmu Balaghah, gaya kiasan tersebut dinamakan *majaz mursal* yang menggunakan '*alaqat al-Mahalliyat*.

Selanjutnya, pengarang mulai bermain dengan *tasybih* bagi memaparkan kebimbangan ibu Umar tatkala beliau akan dihantar bertugas di kampung terpencil tersebut. Kebimbangan itu dijelaskan menerusi dialog:

"لَيْسَ لِي غَيْرَكَ فِي الدُّنْيَا. احْرُصْ عَلَي صِحَّتِكَ يَا بُنَيَّ، فَالْقُرَى كُلُّهَا أَمْرَاضٌ وَ أَوْسَاحٌ. مِسْكِينٌ أَنْتَ."

Terjemahan: "Aku tidak ada sesiapa lagi di dunia ini kecuali engkau. Jagalah kesihatanmu, wahai anakku! Desa adalah penyakit dan kekotoran. Kasihan engkau." (Dimasyq al- Hara'iq: 29).

Ayat فَالْقُرَى كُلُّهَا أَمْرَاضٌ وَ أَوْسَاحٌ (*desa adalah penyakit dan kekotoran*) didapati mengandungi *tasybih baligh* iaitu peringkat tasybih yang paling tinggi estetikanya. Tasybih jenis ini tidak menggunakan sebarang aspek perbandingan (*wajh al-Syabh*) dan

kata perbandingan (*adat al-Tasybih*). Dalam ayat tersebut, ibu Umar menganggap kampung adalah kawasan yang bermasalah baik dari segi sosial mahupun persekitarannya. Persepsi ibunya itu boleh dikatakan mewakili tanggapan penduduk kota terhadap kehidupan masyarakat luar bandar Syria waktu itu yang masih jauh ketinggalan serta diselubungi kemiskinan dan pelbagai masalah sosial.

Rintihan seorang ibu terhadap nasib anaknya yang bakal bertugas di tempat terpencil diluahkan lagi menerusi ungkapan *مِسْكِينٍ أَنْتَ* (Kasihlah engkau). Ungkapan sedemikian sangat meluas penggunaannya dalam kalangan masyarakat Arab. Namun ia bukanlah bermaksud “awak miskin” sebagaimana yang difahami secara literal, sebaliknya adalah satu bentuk kinayah bagi menyatakan rasa simpati ke atas seseorang yang bernasib malang.

Walau bagaimanapun, Umar sebagai anak muda berjiwa besar menyangkal kerisauan dan kegusaran yang bersarang di hati ibunya dengan penuh keyakinan. Dia sebagai lelaki yang tabah dan cecal akan sanggup berdepan dengan segala cabaran dan dugaan meskipun terhantar bertugas ke ceruk mana sekalipun. Dan keyakinan itu digambarkan secara kiasan oleh Zakaria menerusi kata-kata Umar:

إِطْمَئِنِّي يَا أُمَّيْ إِطْمَئِنِّي، فَإِنَّكَ لَيْسَ رُحَاجًا سَهْلَ الْكَسْرِ.

Terjemahan: “*Bertenanglah ibuku, bertenanglah. Anakmu ini bukanlah kaca yang mudah pecah.*” (*Dimasyq al- Hara’iq: 29*).

Kata-kata tersebut jelas mengandungi *tasybih* yang diselitkan secara bersahaja ke dalam dialog. Dengan kebolehannya memanipulasi bahasa, pengarang lebih gemar

menggunakan *tasybih baligh* yang bebas daripada *wajh al-Syabh* dan *adat al-Tasybih* bagi melancarkan dialognya tanpa menjejaskan maksud tersirat yang mahu disampaikan.

Menerusi ayat لَيْسَ زُجَاجًا سَهْلَ الْكَسْرِ Umar menegaskan bahawa dirinya bukanlah orang yang mudah putus asa dan tidak cekat serta tabah dalam menghadapi cabaran. Dia adalah lelaki yang berprinsip dan bersedia dalam apa jua keadaan.

Pada perenggan seterusnya, Zakaria terus menampilkan gaya kiasan untuk menggambarkan suasana gembira yang melanda kampung. Penggunaan *isti'arat makniyyat* dapat dikesan pada beberapa ayat ini:

وَعَمَّ ضَيِّعُنَا الْفَرْحَ، وَرَحَّبَتْ بِحَرَارَةِ بَدَلِكَ النَّبَأَ الَّذِي أَدَاعَهُ الرَّادِيُّو.

Terjemahan: Kegembiraan menyeluruhi kampung kami lalu mengalu-alukan berita yang disiarkan oleh radio. (Dimasyq al- Hara'iq: 29).

Terdapat tiga uslub *isti'arat* digunakan dalam ayat di atas. Pertama dalam عَمَّ ضَيِّعُنَا الْفَرْحَ dapat dikesan penggunaan *isti'arat makniyyat* atau personifikasi. Kegembiraan atau perasaan adalah benda bukan hidup tetapi diberi “nyawa” seperti manusia. Dalam ayat tersebut, “kegembiraan” dianggap seperti “menguasai” seluruh kampung disebabkan oleh berita pelantikan Umar.

Kedua, juga melalui *isti'arat makniyyat* بِحَرَارَةِ , “kampung” sebagai *musyabbah* telah meminjam sifat manusia iaitu “mengalu-alukan”. *Al-Musyabbah bihi* sengaja digugurkan dalam ayat ini bagi meningkatkan estetikanya. Begitu juga dengan

ungkapan *أَدَاعَهُ الرَّادِيُو* yang memang digunakan secara meluas dalam percakapan dan penulisan, sebenarnya adalah *isti'arat makniyyat*. Perbuatan “menyampaikan berita” adalah fiil manusia yang “dipinjam” oleh radio.

Bagi menjelaskan lagi suasana gembira, teruja dan seronok yang dirasakan oleh penduduk kampung, Zakaria memuatkan dialog-dialog mereka tentang kelebihan yang akan dinikmati oleh seorang menteri. Dialog-dialog itu sangat menarik, berunsur humor dan turut menyelitkan bahasa kiasan sebagaimana yang terkandung dalam pertikan berikut:

"وَعِنْدَمَا يَدْخُلُ إِلَى مَبْنَى وَرَازَتِهِ يَرْجِفُ الْمُوظَّفُونَ خَوْفًا وَيُسَلِّمُونَ عَلَيْهِ كَأَنَّهُ عَيْسَى يُنْزِلُ مِنَ السَّمَاءِ."

"وَيَأْمُرُ فَيَطَاعُ. يُقُولُ لِلْمَطَرِ اِنزِلْ فَيَنْزِلُ."

Terjemahan: "*Ketika dia melangkah masuk ke dalam bangunan kementeriannya, pegawai-pegawainya akan menggeletar dan memberi salam kepadanya seolah-olah dia Nabi Isa yang turun dari langit.*"

"Apa yang diarah akan dilaksana. Dia perintahkan hujan turun, hujan pun turun."

(Dimasyq al- Hara'iq: 29).

Ketara sekali bahasa kiasan yang digunakan oleh Zakaria dalam dua cakap ajuk di atas menyelitkan unsur humor yang mampu mencuit hati pembaca. Pertama, pengarang menggunakan *tasybih mursal mujmal* *كَأَنَّهُ عَيْسَى يُنْزِلُ مِنَ السَّمَاءِ* (Seolah-olah dia Nabi Isa yang turun dari langit) bagi menerangkan perwatakan seorang menteri yang ditakuti

oleh para pekerjanya. Segala arahannya akan segera dipatuhi dan dilaksanakan oleh mereka.

Kedua, pengarang dengan penuh sedar menampilkan unsur *mubalaghat* bagi menggambarkan keupayaan atau kuasa yang dimiliki oleh seorang menteri. Ayat *يَقُولُ لِلْمَطَرِ أَنْزِلْ فَيَنْزِلُ* (Dia perintahkan hujan turun, hujan pun turun) bernada lucu dan agak berlebih-lebihan bunyinya. Gambaran yang dilukiskan dalam *mubalaghat* tidak menepati realiti sebenarnya dan kelihatan agak melampau, tetapi masih mengandungi nilai estetika.

Meskipun *tasybih* dan *mubalaghat* yang digunakan menyelitkan elemen humor, namun pengarang kelihatan dengan penuh sedar menyindir golongan aristokrat yang menguasai Syria yang menolak demokrasi dan terkenal dengan dasar kuku besinya pada era itu, iaitu sekitar dekad 70-an.

Syria, secara dasarnya, dikuasai oleh Parti Ba'ath yang beraliran sosialis sejak 1963. Sejak 1970, negara ini dipimpin secara diktator oleh Hafez al-Assad (1930-2000) yang memulakan Dinasti al-Assad. Kini anaknya Bashar al-Assad menjadi Presiden Syria setelah kematian bapanya.

Ketakutan rakyat terhadap kezaliman pemimpin dan kuasa veto mereka diungkapkan secara sinikal dalam dua ayat tersebut. Bagi pengarang, pemimpin di negaranya ketika itu sangat berkuasa ditakuti dan ditaati para pengikutnya. Kuasa pemimpin yang tidak terhad juga pada pendapatnya mampu melakukan apa sahaja mengikut kehendak mereka tanpa mempedulikan suara rakyat bawahan.

Cerpen *Ya Ayyuha al-Karaz al-Mansiy* ini sebetulnya digarap dan disusun dalam struktur yang kompleks. Teknik imbas kembali (*istirja'*) yang merujuk kepada watak Umar semasa berkhidmat di kampung tersebut ditampilkan secara berselang-seli dengan

perbualan penduduk kampung tentang keperibadian dan kehebatannya. Di sinilah terlihat kemahiran dan kepintaran Zakaria dalam menjungkir-balikkan babak-babak dalam cerpen ini yang menyebabkan cerpen ini bertempo pantas dan sentiasa memancing perhatian pembacanya.

Namun demikian, pengarang masih berjaya mengekalkan stail kepengarangannya yang gemar menggunakan bahasa kiasan dalam berkarya. Hal ini dapat dikesan tatkala pengarang menjelaskan fizikal Umar yang sentiasa menjadi sebutan penduduk kampung:

وَاحِدَقَ أَهْلُ الصَّيْعَةِ بِوُجُومٍ ۖ وَفُضُولٍ إِلَى شَابٍ نَزَلَ مِنَ الْبَاصِ الْآتِيٍّ مِنْ دِمَشَقٍ. كَانَ شَابًا مَرْفُوعَ الرَّأْسِ،
ذَا عَيْنَيْنِ وَدِيْعَتَيْنِ وَصَارِمَتَيْنِ فِي آنٍ وَاحِدٍ.

Terjemahan: *Mata khalayak di kampung kami terjegal memerhati seorang pemuda yang turun dari bas yang tiba dari Damsyik. Kepalanya terdongak ke langit. Matanya lembut tetapi tajam. (Dimasyq al-Hara'iq:30)*

Frasa مَرْفُوعَ الرَّأْسِ adalah sejenis *kinayah*, atau lebih tepat lagi dikategorikan sebagai *kinayah 'an al-Siffat* yang lebih mirip kepada “simpulan bahasa” dalam bahasa Melayu. Pengarang menggunakan ungkapan tersebut bagi menggambarkan susuk Umar sebagai seorang lelaki yang terpelajar, berkeyakinan tinggi dan berjiwa besar sewaktu pertama kali menjejakkan kaki ke kampung itu. Matanya yang lembut tetapi tajam itu adalah simbol kepada diri Umar yang berperwatakan tenang dan berjiwa luhur, tetapi agak kritis dan berpandangan jauh.

Kekaguman yang tidak pernah berkurangan terhadap Umar mendorong mereka untuk ke Damsyik bagi mengucapkan tahniah atas pelantikannya sebagai menteri.

Malahan kalau boleh, seisi kampung mahu dibawa bertemu Umar di kota. Namun penduduk kampung akhirnya bersepakat memilih Abu Fayad sebagai wakil mereka ke sana lantaran keakrabannya dengan Umar ketika bertugas di situ dahulu.

Akan tetapi, sebelum Abu Fayad berangkat ke Damsyik, penduduk kampung sempat meluahkan segala penderitaan yang terpaksa ditanggung oleh mereka selama ini agar disampaikannya kepada Umar:

"قُلْ لَهُ إِنَّ جُوعَنَا اِزْدَادَ."

"بِتْنَا نَأْكُلُ حَتَّى الْحَصَى."

"حَدَّثُهُ عَنِ الْقَمَلِ الَّذِي يَأْكُلُنَا."

Terjemahan:

"Khabarkan kepadanya, sesungguhnya lapar kami semakin bertambah!"

"Kami hampir-hampir makan batu!"

"Beritahu dia tentang serangga yang memakan kita!" (Dimasyq al- Hara'iq: 32).

Ternyata Zakaria pintar menyusun satu persatu luahan derita yang ditanggung penduduk secara kreatif dan mengandungi signifikannya yang tersendiri. Hampir kesemua pesanan yang mahu disampaikan kepada Umar melalui perantaraan Abu Fayyad mengandungi *majaz lughawiy* (*majaz mursal* dan *isti'arat*) yang terselit di dalamnya *mubalaghat*. Ia dilakukan dengan penuh sedar oleh pengarang. Sebagai seorang mantan wartawan, beliau pastinya sangat maklum dengan situasi yang dihadapi golongan marhaen yang tinggal jauh dari kota.

Ungkapan بَشْنَا نَأْكُلُ حَتَّى الْحَصَى adalah *majaz mursal* ('*alaqat al-Haliyat*) kepada keadaan kehidupan yang susah dan perit yang ditanggung mereka. Penduduk luar bandar Syria masih lagi jauh ketinggalan berbanding penduduk di kota. Kadar kemiskinan dan buta huruf yang tinggi berterusan sejak berakhirnya Perang Dunia Kedua.

Sementara الْقَمَلِ الَّذِي يَأْكُلُنَا adalah *isti'arat makniyyat* (yang juga mengandungi unsur *mubalaghat*) kepada penindasan yang berlaku di daerah-daerah terpencil. Kebanyakan tauke-tauke ladang (yang dianggap "serangga") yang kaya-raja sentiasa mengambil kesempatan untuk menekan dan memeras petani bagi mendapatkan laba keuntungan berlipat ganda. Lebih malang lagi apabila tauke-tauke itu hidup mewah dan bebas tanpa sekatan kerana dilindungi oleh pihak berkuasa yang tidak memerangi rasuah. Sistem sosialis di sana semakin memburukkan keadaan. Jurang antara penduduk yang kaya dengan yang miskin semakin membesar.

Segala luahan itu sebenarnya bertitik tolak daripada kenangan lampau penduduk kampung tatkala Umar masih bersama mereka. Bagi mereka, hanya Umar yang berani menentang tauke-tauke yang selalu menindas penduduk dan memeras keringat petani tanpa perikemanusiaan. Malahan mereka masih mengingati bagaimana Umar dinasihati oleh ketua polis agar menjauhkan diri daripada para petani dan tidak berjuang menentang tauke-tauke. Imbasan kembali ini dipaparkan oleh penulis menerusi kata-kata pegawai polis kepada Umar:

إِنِّي وَاللَّهِ يَا أَسْتَاذُ أَعْتَبِرُكَ كَأَحْيٍ تَمَامًا، وَسَأَنْصَحُكَ نَصِيحَةً، أَنْتَ حُرٌّ، إِنْ شِئْتَ إِعْمَلْ بِهَا أَوْ إِرْمَهَا وَرَاءَ

ظَهْرِكَ."

Terjemahan: “*Demi Allah, cikgu! Aku anggap kau seperti adikku sendiri. Aku cuma ingin menasihati engkau. Kau bebas. Kalau mahu, kau ikut. Kalau tidak, lontarkan sahaja ia ke belakangmu.*” (Dimasyq al- Hara’iq: 33).

Dalam cakap ajuk di atas, Zakaria menggunakan bahasa percakapan yang biasa dituturkan orang kebanyakan. Namun, jika diteliti, ayat *إِزْمَهَا وَرَاءَ ظَهْرِكَ* sebenarnya mengandungi *isti‘arat makniyyat*. “Nasihat” pada hakikatnya tidak boleh dilontar, kerana ia adalah abstrak. Yang boleh dilontar hanyalah benda-benda yang konkrit.

Selanjutnya, timbul pula cadangan agar mereka mengirinkan hadiah kepada Umar. Lantas Abu Fayad yang dianggap paling pintar dan berpengalaman dalam kalangan mereka mencadangkan agar dibawa sebakul ceri merah yang segar sebagai hadiah buat Umar:

"أَتَذْكُرُونَ كَمْ كَانَ عُمَرُ يُحِبُّ كَرَزَ ضَيْعَتَنَا وَيَقُولَ عَنْ لَوْنِهِ الْأَحْمَرِ إِنَّهُ تَعْبُنَا وَدَمْنَا."

Terjemahan: “*Masihkan kamu semua ingat betapa Umar suka akan ceri kampung kita. Dia selalu menyebut tentang warnanya yang merah. Bahawa itulah kepenatan kita dan darah kita.*” (Dimasyq al- Hara’iq: 33).

Selain menggunakan uslub *tasybih* pada ayat *إِنَّهُ تَعْبُنَا وَدَمْنَا* tersebut, Zakaria turut menghubungkan ceri yang merah dengan keberanian Umar yang masih menjadi buah mulut penduduk kampung. Umar juga pernah menganggap ceri sebagai simbol perjuangan dan kekuatan dalam kehidupan mereka. Baginya, jika mahukan kemajuan, hidup mesti sentiasa optimistik, berani, dan berjiwa besar.

Malahan suatu ketika mereka pernah berkata secara kiasan menggunakan *majaz mursal* ('*alaqat al-Juz'iyyat*) kepada Umar:

"الْعَيْنُ بَصِيرَةٌ وَالْيَدُ قَصِيرَةٌ."

Terjemahan: "Mata kami hanya mampu melihat, tangan kami pendek." (*Dimasyq al-Hara'iq: 33*).

Namun Umar juga secara berkias "menggunakan" *majaz mursal* ('*alaqat al-Juz'iyyat*) membalas kata-kata mereka dengan tegas:

"الْيَدُ قَصِيرَةٌ لِأَنَّ الْقَلْبَ خَائِفٌ."

Terjemahan: "Tangan pendek kerana hati pengecut." (*Dimasyq al-Hara'iq: 34*).

Walau bagaimanapun, Umar tidak lama mengajar di sekolah kampung mereka. Para tauke yang tidak selesa dengan peranannya dan perjuangannya membela penduduk kampung telah mempengaruhi pihak jabatan pendidikan agar menukarkannya ke tempat lain. Namun mereka tetap yakin dengan janji Umar untuk kembali dan membebaskan mereka daripada belenggu penderitaan dan penindasan selama ini. Justeru Umar terus hidup dalam hati setiap penduduk kampung sehingga beberapa generasi. Menjadi harapan mereka juga agar Abu Fayyad yang mewakili mereka ke Damsyik akan pulang dengan khabar gembira daripada Umar.

Kemuncak kepada penantian dan pengharapan seluruh penduduk kampung ialah kepulangan Abu Fayyad dari Damsyik pada petang itu. Kelibat Abu Fayyad ganjil sekali. Keadaan lelaki tua itu yang langsung tidak bersuara digambarkan oleh Zakaria menerusi *tasybih* seperti dalam petikan berikut:

ظَلَّ أَبُو فَيَّاضٍ سَاكِتًا كَأَنَّهُ أَصَمٌّ، وَوَضَعَ سَلَّةَ الْكَرْزِ عَلَى الْأَرْضِ، وَتَكَلَّمَ بِصَوْتِ أَحْشٍ، فَقَالَ لِلصَّعَارِ:

"نَعَالُوا وَكُلُوا الْكَرْزَ، وَعِنْدَمَا تَكْبُرُونَ لَا تَنْسُوا طَعْمَهُ."

Terjemahan: *Abu Fayyad diam seolah-olah dia bisu. Dia meletakkan bakul yang masih berisi buah ceri ke tanah. Dia berkata dengan suaranya yang serak kepada budak-budak: "Mari sini! Makanlah buah ceri ini. Bila mana kalian besar nanti, jangan pula kalian lupa akan rasanya."* (Dimasyq al- Hara'iq: 35).

Rupa-rupanya Abu Fayyad pulang dengan rasa kecewa. Dia kehilangan kata-kata. Bukan sahaja dia tidak dapat menyerahkan hadiah sebakul ceri merah kepada Umar sebagaimana dirancang, malah hajatnya untuk bertemu Umar juga tidak kesampaian. Ternyata Umar yang mereka puja dan kagumi selama ini telah berubah. Pelantikannya sebagai menteri menyebabkan Umar tidak mengenali Abu Fayyad, apatah lagi mengingati kampung mereka lagi.

Setelah menyerahkan bakul berisi ceri kepada budak-budak kampung untuk dimakan, akhirnya Abu Fayyad menamatkan segala pertanyaan yang bermain di kepala penduduk kampung dengan sepotong ayatnya yang pendek tetapi mengandungi gaya *majaz lughawiy*:

"عُمَرُ مَاتَ."

Terjemahan: "Umar sudah mati." (Dimasyq al- Hara'iq: 35).

Abu Fayyad mengungkapkan perasaan kecewanya dengan kiasan yang sangat sinis dan tajam. Ayat *عُمَرَ مَاتَ* adalah *isti'arat makniyyat* bagi menyatakan bahawa Umar telah mati dalam hati para penduduk kampung. Hati Umar juga boleh dianggap sudah mati. Meskipun Umar masih hidup dan berjawatan menteri, tetapi bagi mereka secara simboliknya Umar yang ibarat kacang lupakan kulit sudah meninggal dunia bersama harapan dan impian mereka untuk keluar daripada belenggu kemiskinan. Ketara sekali sindiran tajam terhadap golongan pemerintah dan aristokrat yang kerap melupakan golongan bawahan apabila sudah berkuasa menjadi pilihan Zakaria untuk menjadi penamat cerpen ini.

Kesimpulannya, cerpen *Ya Ayyuha al-Karaz al-Mansiy* adalah sebuah kritikan sosial yang kaya dengan gaya bahasa kiasan. Sebagai seorang sasterawan dan wartawan, Zakaria tidak mengabaikan dua aspek utama dalam karya sastera, iaitu tema atau isi karya dan bahasa. Selain mempraktikkan teknik naratif yang tidak konvensional dan plotnya yang agak kompleks, aspek estetikanya yang ditampilkan menerusi gaya bahasa kiasan seperti *majaz*, *tasybih*, *isti'arat*, dan *mubalaghat* turut menjadi tunjang kekuatan cerpen ini.

4.1.2 Sami Napuh

Sami Napuh menyorot konflik yang timbul apabila watak Siti Aini mencari abang kandungnya bernama Jali yang kini telah memeluk agama Buddha dan menukar namanya

kepada Napuh. Kisah sebegini agak langka atau jarang-jarang ditemui dalam karya-karya prosa berbahasa Melayu, atau barangkali tidak pernah disentuh oleh penulis-penulis generasi terdahulu.

Teknik naratif yang digunakan oleh Azizi cukup sederhana. Plotnya agak mendatar tanpa memiliki banyak kejutan. Naratifnya bermula dengan perjalanan kereta Siti Aini bersama Tuan Kadi dan mubaligh muda ke sebuah wat untuk mencari Jali *alias* Napuh. Kemudian berlaku sedikit insiden sedih bercampur gembira antara kedua-dua beradik kerana diperrtemukan semula setelah lama terpisah. Ia disusuli kontradiksi atau perdebatan antara Napuh dengan Tuan Kadi dan mubaligh muda. Akhirnya diakhiri dengan janji Napuh untuk menghadiri perkahwinan adiknya meskipun dia tetap teguh dengan pendiriannya atau kepercayaannya terhadap agama Buddha.

Cerpen ini dimulakan dengan dua ayat yang sederhana panjangnya tetapi menarik:

VOLKSWAGON berwarna air susu terhinggut-hinggut bila melalui jalan yang berlekuk-lekik. Tiga kepala di dalamnya terlenggok-lenggok ke kanan dan ke kiri bagaikan orang suluk berzikir. (Keakuan : 95).

Ketara sekali Azizi memulakan cerpennya dengan bahasa kiasan sebagai pencetus minat pembaca agar terus “melekat” membacanya. Terdapat dua jenis bahasa kiasan dalam perenggan pertama *Sami Napuh*. Ayat pertama yang berbunyi *Volkswagon berwarna air susu terhinggut-hinggut* mengandungi personifikasi iaitu sejenis bahasa kiasan yang menggambarkan benda-benda mati atau barang-barang yang tidak bernyawa seolah-olah memiliki sifat-sifat kemanusiaan.

Dalam ayat tersebut, kereta Volkswagon itu diberikan “nyawa” seperti manusia yang boleh “terhinggut-hinggut” kepalanya ketika badan bergoyang. Penggunaan

personifikasi di sini amat tepat dan sesuai bagi menggambarkan keadaan kereta yang tidak stabil pergerakannya dan bergoyang ketika melalui jalan yang rosak. Pembaca tentu sekali dapat membayangkan suasana yang tidak selesa dialami oleh para penumpang kereta.

Kemudian pada ayat kedua, Azizi sekali lagi menyelitkan bahasa kiasan melalui penggunaan simile di penghujung ayat yang berbunyi: *bagaikan orang suluk berzikir*. Ungkapan *bagaikan orang suluk berzikir* adalah sejenis perbandingan baharu yang dicipta oleh Azizi. Perumpamaan sedemikian kelihatan tepat jika direnungkan bagaimana tiga orang manusia yang berada di dalam kereta tersebut (Siti Aini, Tuan Kadi dan mubaligh muda) bergoyang-goyang tubuh dan terlenggok-lenggok kepala mereka seperti orang yang melakukan amalan bersuluk atau bertapa yang berada dalam keadaan khusyuk dan asyik semasa meratib.

Apabila beralih ke perenggan kedua, pembaca akan sekali lagi menemukan bahasa kiasan, iaitu pada ayat yang keempat:

Dia sungguh cermat memandu kereta yang macam kura patah itu. (Keakuan: 95).

Bahasa kiasan yang digunakan oleh Azizi kali ini adalah simile. *Macam kura patah* bunyinya agak melucukan, tetapi memiliki kesegaran. Ternyata pengarang begitu pintar mencipta simile baharu dan tersendiri sekali gus lari daripada mengambil perbandingan atau peribahasa yang klise atau kerap digunakan oleh orang lain.

“Kura” atau lebih tepat lagi “kura-kura” memang banyak dijadikan bahan perbandingan dan disebut dalam peribahasa Melayu. Sebagai contoh, *kura-kura di dalam perahu, pura-pura tidak tahu; kura-kura di kaki ditinggalkan, penyu di pantai dikejar*, dan *seperti kura-kura terlentang*. Namun Azizi tidak mengambil perbandingan yang

dianggap stereotaip itu, sebaliknya mencetuskan satu simile baharu yang lebih segar dan bernada humor.

Dalam ayat keempat tersebut, Azizi mengibaratkan kereta Volkswagon buruk yang dinaiki oleh mereka bertiga seperti kura-kura patah kaki. Perumpamaan itu dilihat amat sepadan jika diambil kira bentuk kereta model lama itu yang sedemikian rupa dan pergerakannya yang relatif perlahan. Pembaca pasti tertarik dengan unsur lucu pada simile tersebut.

Selanjutnya, kegemaran Azizi mengadunkan bahasa kiasan dalam karyanya diteruskan lagi menerusi penggunaan personifikasi berikut:

Matanya tetap memandang ke depan walaupun kereta itu merangkak pelan-pelan.
(Keakuan: 95).

Penampilan personifikasi ini membolehkan pembaca dapat merasakan betapa perlahannya kereta Volkswagon yang dinaiki mereka bertiga. Merangkak adalah perbuatan kanak-kanak berusia kurang setahun yang telah dimaklumi jauh lebih perlahan daripada berjalan. Justeru, Azizi mengibaratkan kereta buruk itu juga jauh lebih perlahan daripada pergerakan kereta-kereta biasa. Secara tidak langsung, personifikasi ini mengukuhkan lagi simile sebelumnya yang mengumpamakan kereta itu seperti kura-kura patah kaki.

Ternyata dua simile dan dua personafikasi yang ditampilkan oleh Azizi pada bahagian permulaan cerpennya jelas menunjukkan kegemaran pengarangnya bermain dengan bahasa kiasan. Kesemuanya diselitkan dengan cukup bersahaja, asli dan tersendiri. Malah jika dilihat dalam skop yang lebih jauh, keempat-empat bahasa kiasan yang digunakan oleh Azizi berkaitan kereta dan tiga penumpangnya secara simboliknya

menggambarkan ketidakselesaian dan keresahan perasaan yang dirasai oleh Siti Aini terutamanya tatkala bersama-sama Tuan Kadi dan mubaligh muda sebelum bertemu Napuh.

Di samping itu, frasa “kura-kura patah”, “merangkak”, dan “terhinggut-hinggut” sememangnya menjadi kesukaan Azizi. Malahan dalam beberapa karyanya yang lain turut ditemui tiga ungkapan tersebut. Menjadi kegemaran Azizi juga mengulang-ngulang bahasa kiasannya, justeru pengkaji menemukan tiga ungkapan tersebut beberapa kali dalam cerpen ini.

Kereta yang macam kura-kura patah itu merangkak lagi. Terhinggut-hinggut. Drebarnya memusing setereng ke kanan, lopak. Memusing ke kiri, lopak. Tiga kepala di dalamnya macam pak-pak lebai bertahlil. (Keakuan: 96).

Dalam petikan perenggan di atas, jelas sekali selain mengulang-ngulang bahasa kiasan yang sama beberapa kali, Azizi juga sengaja mencipta simile atau perbandingan yang baharu bagi menggantikan *bagaikan orang suluk berzikir* yang sudah digunakan sebelumnya. Kali ini, dia mengumpamakan kepala tiga penumpang kereta tersebut *macam pak-pak lebai bertahlil* pula.

Selain menggambarkan secara fizikal tentang ketidakselesaian yang dialami Siti Aini, Azizi juga menyatakan perasaan resah yang melanda watak gadis yatim-piatu itu.

Siti Aini, anak gadis yang duduk di belakang itu mulai diserang bimbang. Kalaulah sekiranya orang yang hendak dijumpainya itu tidak kenal atau tidak mengaku yang ia adiknya, maka akan hampalah harapannya. (Keakuan: 96).

Frasa “diserang bimbang” adalah personifikasi. Perbuatan “menyerang” hanya boleh dilakukan oleh manusia atau haiwan, bukannya perasaan. Namun perkataan

“diserang” digunakan oleh pengarang bagi menggambarkan keresahan yang mengganggu jiwa dan fikiran Siti Aini sepanjang perjalanan ke wat Sami Napuh.

Setelah ketiga-tiganya tiba di hadapan wat, Azizi selanjutnya mendeskripsikan situasi apabila dua beradik yang terpisah lama bertemu buat kali pertama.

Dia bagaikan tidak sabar hendak melahirkan sesuatu. Bagaikan tidak sabar hendak memperkenalkan dirinya kepada sami muda yang kurus macam rotan kena panas itu. (Keakuan: 99).

Keberkesanan sesebuah kiasan itu adalah pada ketepatannya. Dalam contoh di atas, tanpa memerlukan penjelasan yang berjela-jela dan panjang lebar, Azizi cukup bersahaja menggambarkan betapa kurusnya tubuh Napuh menerusi simile yang diselitkannya.

Secara tidak langsung, Azizi juga memaparkan kepada pembaca hakikat kehidupan seorang sami yang sangat sederhana, kerap melupakan kenikmatan dunia dan sering berlapar dengan mengurangkan pengambilan makan dan minum. Azizi turut lari dari perumpamaan *kurus macam lidi* yang sering digunakan dan mungkin pada pandangannya sudah kurang sesuai selain mengandungi unsur hiperbola, justeru Azizi mencipta perumpamaan baharu yang lebih tersendiri dan mantap.

Pertemuan kali pertama selepas sembilan tahun itu tentu sahaja mencetus perasaan hiba berbaur gembira dalam diri Siti Aini dan Napuh. Namun Azizi yang mahir mengeksploitasi teknik naratif dan kemahiran berbahasanya tidak berterusan mendeskripsi suasana, sebaliknya situasi penuh keharuan itu digambarkan oleh Azizi menerusi dialog Napuh.

“Sembilan belas tahun aku memeluk Buddha dan menjadi Sami, baru kita bertemu. Aku sangka kau sudah tak ada, adik,” kata Napuh tersekat-sekat.

(Keakuan: 99).

Ungkapan “memeluk Buddha” mahupun “:memeluk Islam” memang selalu dituturkan oleh orang kebanyakan bagi menggambarkan tentang seseorang yang baharu sahaja menganut agama Buddha atau menganut agama Islam. Hakikatnya, perkataan “memeluk” sesebuah agama yang sering digunakan itu mengandungi unsur kiasan yang dinamakan sinekdoki. Dalam petikan perenggan di atas, “memeluk Buddha” bukanlah bermaksud memeluk atau mendapak patung Buddha yang terdapat di tokong atau wat, tetapi membawa maksud menganuti, mempercayai, dan beramal dengan ajaran-ajaran Buddha.

Selain melukiskan fizikal Napuh yang sesuai dan padan dengan statusnya, Azizi juga menggambarkan perwatakan dalaman Napuh sebagai seorang sami.

Napuh tersenyum. Cahaya mukanya bagaikan mendapat pangkat suka menolong dari syarat-syarat ajaran Buddha. (Keakuan: 100).

Menerusi bahasa kiasan, Azizi menyuguhkan kepada pembaca karakter seorang sami muda yang berperawakan tenang dan boleh dikatakan dari golongan orang-orang yang bersih jiwa menurut agama Buddha. Walau bagaimanapun, gambaran perwatakan positif yang dimiliki oleh Napuh diperlihatkan oleh pengarang sebenarnya bukanlah dengan tujuan mahu mengangkat martabat agama tersebut, tetapi untuk mengukuhkan lagi plot cerpen ini yang mengandungi perdebatan hangat dan tegang antara Napuh, Tuan Kadi dan mubaligh muda di penghujungnya.

Selain itu, secara sadar juga, Azizi sengaja memberi maklumat kepada pembacanya tentang salah satu syarat ajaran Buddha, iaitu suka menolong orang. Namun ketenangan dan “kebersihan” jiwa Napuh itu akhirnya tercabar apabila mereka bertiga mempertikaikan kesahannya menjadi wali kepada Siti Aini. Seorang wali mestilah beragama Islam. Oleh itu dia tidak layak menjadi wali hatta kepada adik kandungnya sendiri.

Napuh termenung. Wajahnya berkerut-kerut. Ada sesuatu yang terguris di hatinya. Masalah yang dihadapinya sungguh sulit. (Keakuan: 101).

Ungkapan “terguris di hatinya” adalah satu bentuk bahasa kiasan. Ia boleh sahaja digolongkan sebagai personifikasi memandangkan perbuatan “mengguris” adalah perbuatan bersifat luaran yang dilakukan oleh manusia. Sementara hati adalah organ dalaman tubuh badan manusia. Justeru, perbuatan “mengguris hati” yang menyebabkan hati Napuh “terguris” sebenarnya dilakukan oleh kata-kata yang diluahkan oleh Siti Aini, Tuan Kadi dan mubaligh muda. “Kata-kata” mereka bertiga telah meminjam perbuatan “mengguris” daripada manusia.

Di samping lebih gemar menggunakan simile dan personifikasi dalam tulisannya, Azizi juga tidak ketinggalan menyelitkan metafora sebagai salah satu bahasa kiasannya. Gaya kiasan tersebut dapat dikesan dalam perdebatan hangat yang berlaku antara Napuh dengan Tuan Kadi dan mubaligh muda. Kedangkalan hujah mereka berdua tentang berdakwah dalam Islam menimbulkan perasaan geram di hati Napuh.

“Tuan, janganlah untuk memujuk orang lain memeluk Islam, maka tuan menjadi pengemis, pengemis agama. Mengajak orang memeluk Islam samalah juga seperti

bekerja mencari makan. Janganlah mengharap orang memberi makanan tanpa berusaha, kerana itu dikatakan pengemis.” (Keakuan: 103 -104).

Jelas sekali *pengemis agama* adalah satu metafora segar digunakan oleh Azizi untuk menyindir pihak-pihak yang terlibat dalam menyampaikan dakwah mereka kepada golongan bukan Islam. Mereka, bagi Azizi, adalah pihak yang merosakkan imej agama Islam dan cukup sibuk apabila mendapat tahu seseorang yang sebelumnya Muslim telah memeluk Buddha, Kristian dan sebagainya; sedangkan sebelum ini mereka tidak menjalankan tanggungjawab mereka.

Menjadi satu kelebihan kepada Azizi adalah kepakarannya menyelitkan unsur humor dalam penggunaan bahasa kiasan yang mewarnai kebanyakan karyanya. Unsur humor tentu sahaja mencuit hati pembaca untuk terus menumpukan perhatian kepada pembacaan mereka. Unsur-unsur humor itu diselitkannya melalui simile-simile berikut:

Dia tersentak bagaikan bulu ketiaknya dicabut. (Keakuan: 101).

Siti Aini berkerut-kerut wajahnya seperti menelan pil yang pahit. (Keakuan: 102).

Siti Aini tunduk juga macam anak dara disindir pemuda. (Keakuan: 103).

Telinga Tuan Kadi macam ditenyeh-tenyeh cili. (Keakuan: 104).

“Baiklah, tuan,” tiba-tiba Tuan Kadi bersuara. Mukanya seperti ditampal kulit babi. (Keakuan: 104).

Kelima-lima perumpamaan yang digunakan adalah perumpamaan yang juga pernah ditemui dalam karya-karyanya yang lain. Pendek kata, ia sudah sinonim, mantap dan menjadi jati diri Azizi. Hatta, sekiranya ada para pengarang lain menggunakan perumpamaan tersebut, pembaca akan lekas menganggap mereka “meminjam” atau “meniru” daripada Azizi.

Meskipun bunyinya agak kasar sebagaimana yang terdapat dalam ayat: *Mukanya seperti ditampal kulit babi*, namun penggunaannya di situ dilihat tepat dan munasabah memandangkan Azizi bertujuan menyindir individu yang bersifat suka menyalahkan orang lain dan tenggelam dengan kegemilangan silam seperti Tuan Kadi. Tentu sekali Tuan Kadi yang arif tentang hukum-hakam Islam dan mahir dalam selok-belok dakwah itu rasa sangat terhina dan malu amat apabila ditempelak oleh seorang sami Buddha.

Selain itu, penggunaan unsur binatang sebagai objek perbandingan dalam perumpamaan atau simile yang dicipta oleh Azizi dilihat membawa satu sindiran yang pedas dan tajam kepada manusia seperti Tuan Kadi dan mubaligh muda. Bagi Azizi juga, manusia seperti Tuan Kadi dan mubaligh muda sangat merugikan agama dan wajar disingkirkan.

Malahan jika diteliti, “kereta” yang dinaiki oleh mereka bertiga juga “dianggap” oleh Azizi seperti “kura-kura”:

Kereta yang macam kura-kura patah itu merangkak lagi. (Keakuan: 96).

Kura-kura adalah kiasan kepada manusia yang lembab dan lambat bertindak. Orang yang kurang bergaul, terkongkong pemikirannya dan singkat pandangannya diibaratkan seperti kura-kura yang tidak jauh perjalanannya dan sering tersorok di bawah kulit cengkerangnya.

Cerpen menarik ini akhirnya ditamatkan dengan babak tangisan dan raungan Siti Aini yang terlalu bersedih kerana kegagalan mereka memujuk Napuh kembali ke ajaran Islam. Secara simboliknya, Azizi mahu menyatakan bahawa tugas dakwah yang dipikul oleh institusi-institusi agama masih lagi gagal. Bahkan Azizi seperti meletakkan Tuan Kadi dan mubaligh muda di pihak yang tewas sebagai satu sindirannya terhadap

golongan agamawan yang bertanggungjawab dalam hal-hwal agama. Walau bagaimanapun, Napuh tetap berjanji kepada Siti Aini untuk menghadiri perkahwinannya nanti sebagai satu bentuk penamat cerpen yang agak menceriaikan.

Tidak dapat dinafikan bahawa cerpen *Sami Napuh* pada dasarnya bertemakan agama sebagaimana *Sami Mekong*. Biarpun agak kontroversi dan menyentuh sensitiviti sesetengah pihak, Azizi sebetulnya berniat menegur dan memperbaiki keadaan umat Islam. Melalui hujah-hujah yang dilontarkan oleh Napuh, Azizi dengan penuh sedar mengkritik institusi-institusi agama yang tidak berperanan dalam masyarakat sebaliknya mendatangkan fitnah kepada Islam.

Kesimpulannya, cerpen *Sami Napuh* adalah sebuah kritikan sosial yang kaya dengan gaya bahasa kiasan. Karya ini masih lagi seimbang dari segi teknik dan estetikanya, biarpun terdapat unsur-unsur khutbah dalam perdebatan watak-wataknya. Sebagai seorang sasterawan yang kritis dan prihatin, Azizi tidak mengabaikan dua aspek utama dalam karya sastera, iaitu tema atau isi karya dan bahasa. Mesej atau amanatnya tetap sampai kepada pembaca baik secara langsung mahupun tidak langsung. Dalam pada masa yang sama, aspek estetikanya yang ditampilkan menerusi gaya bahasa kiasan seperti simile, personifikasi, sinekdoki dan metafora berjaya menambah keindahan cerpen ini.

4.1 PERBANDINGAN BAHASA KIASAN DALAM CERPEN ZAKARIA TAMER DAN AZIZI HJ. ABDULLAH

Justeru, setelah melakukan analisis, pengkaji akan melakukan perbandingan pula menerusi pendekatan stilistik terhadap teks cerpen Zakaria Tamer dan Azizi Hj. Abdullah bagi melihat persamaan dan perbezaan kedua-dua pengarang ini dalam penggunaan

bahasa kiasan mereka terutamanya daripada segi jenis, kreativiti dan inovasi, serta kesan sampingan yang timbul kemudiannya. Perbandingan ini berdasarkan dua buah cerpen mereka iaitu *Ya Ayyuha al-Karaz al-Mansiy* dan *Sami Napuh*.

4.2.1 Persamaan Antara Zakaria Tamer dan Azizi Hj. Abdullah dalam Penggunaan Bahasa Kiasan

Berdasarkan cerpen *Ya Ayyuha al-Karaz al-Mansiy* dan *Sami Napuh* yang telah dipilih bagi mewakili setiap pengarang, terdapat beberapa persamaan yang menjadi kecenderungan kedua-duanya dalam menggunakan gaya bahasa kiasan. Pertamanya, dari segi jenis kiasan yang ditampilkan. Keduanya, dari segi daya kreativiti pengarang dan kritikal dalam mengungkapkan bahasa kiasan.

4.2.1.1 Jenis Gaya Kiasan

Pelbagai ragam gaya bahasa kiasan digunakan oleh kedua-dua pengarang dalam cerpen masing-masing. Namun ketara sekali dapat ditemukan bahawa kedua-dua pengarang agak kerap menggunakan gaya simile atau uslub *tasybih*.

Jika diteliti secara terperinci, bermula seawal perenggan pertama, Azizi Hj. Abdullah sudah menggunakan simile dalam ayat keduanya:

Tiga kepala di dalamnya terlenggok-lenggok ke kanan dan ke kiri bagaikan orang suluk berzikir. (Keakuan: 95).

Apabila beralih ke perenggan kedua, sekali lagi pembaca akan menemukan bahasa kiasan, iaitu pada ayat yang keempat:

Dia sungguh cermat memandu kereta yang macam kura patah itu. (Keakuan: 95).

Sementara Zakaria Tamer mulai menggunakan *tasybih baligh* pada perenggan ketiga menerusi kata-kata ibu Umar yang bersimpati dengan nasib anaknya yang terpaksa bertugas di luar bandar:

" فَالْقُرَى كُلُّهَا أَمْرَاضٌ وَ أَوْسَاحٌ. "

Terjemahan: "Desa adalah penyakit dan kekotoran." (Dimasyq al- Hara'iq: 29).

Kemudian, diikuti oleh penggunaan *tasybih* seterusnya dalam perenggan ini:

" إِطْمَئِنِّي يَا أُمَّيْ إِطْمَئِنِّي، فَابْنُكَ لَيْسَ زُجَاجًا سَهْلَ الْكَسْرِ. "

Terjemahan: "Bertenanglah ibuku, bertenanglah. Anakmu ini bukanlah kaca yang mudah pecah." (Dimasyq al- Hara'iq: 29).

Bagaimanapun, di antara mereka berdua, ternyata Azizi didapati lebih kerap menggunakan simile sepanjang penulisan cerpen *Sami Napuh*. Kekerapannya itu disebabkan kecenderungannya mengulang-ngulang sehingga tiga kali perumpamaan yang sama dalam cerpennya.

Selain simile atau *tasybih*, kedua-dua pengarang juga cenderung menggunakan personifikasi yang juga dikenali sebagai unsur "pengorangan" atau *isti'arat makniyyat*. Dalam cerpen *Sami Napuh*, pada ayat pertama lagi Azizi Hj Abdullah sudah menyelitkan personifikasi. Gaya tersebut didapati dalam ayat berikut:

VOLKSWAGON berwarna air susu terhinggut-hinggut bila melalui jalan yang berlekuk-lekik. (Keakuan: 95).

Seterusnya, mukadimah itu diikuti oleh ayat pada perenggan kelima yang masih menggunakan personifikasi atau juga dikenali sebagai unsur "pengorangan".

*Matanya tetap memandang ke depan walaupun kereta itu merangkak pelan-pelan.
(Keakuan: 95).*

Sementara Zakaria Tamer pula menyelitkan *isti'arat makniyyat* dalam cerpen *Ya Ayyuha al-Karaz al-Mansiy* bagi menghidupkan latar kampung. Oleh sebab cerpen tersebut menggunakan teknik sudut pandangan orang pertama iaitu “kami”, pengarang kerap menggunakan unsur “pengorangan” dengan memberi “nyawa” kepada ضَيْعَتُنَا atau “kampung kami” untuk melancarkan naratifnya.

Penggunaan *isti'arat makniyyat* secara kerap itu dapat ditemui dalam ayat tersebut:

وَعَمَّ ضَيْعَتُنَا الْفَرْحَ، وَرَحَّبَتْ بِحِمَارَةٍ بِذَلِكَ النَّبَأِ الَّذِي أَدَاعَهُ الرَّادِيُّو.

Terjemahan: *Kegembiraan menyeluruhi kampung kami lalu mengalu-alukan berita yang disiarkan oleh radio.* (Dimasyq al- Hara'iq: 29).

Jika dibuat perbandingan antara dua pengarang tersebut, kedua-duanya telah menggunakan gaya personifikasi atau *isti'arat makniyyat* sebanyak lima kali dalam karya masing-masing. Namun personifikasi yang digunakan oleh Azizi Hj. Abdullah lebih rencam bentuknya dan “digunakan” oleh pelbagai benda bukan manusia seperti kereta, perasaan dan hati. Manakala Zakaria Tamer menumpukan gaya *isti'arat makniyyat* pada “kampung kami”.

Di samping simile atau *tasybih* dan personifikasi, Azizi dan Zakaria juga ada menggunakan gaya-gaya kiasan yang lain. Azizi misalnya ada menyelitkan metafora, sementara Zakaria pula memasukkan majaz.

Menerusi cerpen *Sami Napuh*, didapati hanya sekali Azizi menyelitkan metafora bagi menyindir pihak-pihak yang terlibat dalam menyampaikan dakwah mereka kepada golongan bukan Islam. Mereka baginya, telah banyak menjejaskan imej agama Islam di mata para penganut agama lain. Secara tidak langsung menerusi metafora tersebut, Azizi sudah mencipta satu simpulan bahasa baharu dalam bahasa dan sastera Melayu:

“Tuan, janganlah untuk memujuk orang lain memeluk Islam, maka tuan menjadi pengemis, pengemis agama. Mengajak orang memeluk Islam samalah juga seperti bekerja mencari makan. Janganlah mengharap orang memberi makanan tanpa berusaha, kerana itu dikatakan pengemis.” (Keakuan: 103 -104).

Manakala Zakaria meneruskan kebiasaannya dalam karya-karya terdahulu dengan penggunaan *majaz mursal* yang diselitkannya secara kreatif dalam deksripsi mahupun dialog. Sebagai contoh:

"الْعَيْنُ بَصِيرَةٌ وَالْيَدُ قَصِيرَةٌ"

Terjemahan: *“Mata kami hanya mampu melihat, tangan kami pendek.”* (Dimasyq al-Hara’iq: 33).

Berbanding Azizi yang cuma sekali menghadirkan metafora ciptaannya, Zakaria menampilkan *majaz lughawiy* yang segar sebanyak lima kali. Sebagai contoh, sebaris ayat di bawah memperlihatkan uslub majaz yang diaplikasikan menerusi dialog antara Umar dan penduduk kampung:

"الْيَدُ قَصِيرَةٌ لَأَنَّ الْقَلْبَ خَائِفٌ"

Terjemahan: *“Tangan pendek kerana hati pengecut.”* (Dimasyq al-Hara’iq: 34).

Walau bagaimanapun, berdasarkan kesemua *majaz lughawiyy* yang ditampilkannya, jelas sekali Zakaria lebih cenderung menggunakan *majaz mursal*. Dalam ayat di atas *majaz mursal* itu mempunyai '*al-aqat al-Juz'iyat*' yang hampir menyerupai sinekdoki dalam retorika Melayu. Lebih menarik lagi, berserta *majaz* yang digarapnya, Zakaria turut menyelitkan gaya hiperbola atau *mubalaghat* bagi meningkatkan nilai estetikanya.

Mubalaghat adalah kiasan yang terdiri daripada ungkapan yang berlebih-lebihan dan bernada keterlaluan, tetapi mengandungi nilai estetika. Justeru, Zakaria dengan sengaja menghadirkan *mubalaghat* bagi mengiringi *kinayahnya*:

"بِتَنَا نَأْكُلُ حَتَّى الْحَصَى."

"حَدَّثَهُ عَنِ الْقَمَلِ الَّذِي يَأْكُلُنَا."

Terjemahan:

"Kami hampir-hampir makan batu!"

"Beritahu dia tentang serangga yang memakan kita!" (*Dimasyq al-Hara'iq*: 32).

Kedua-dua dialog yang memuatkan *mubalaghat* tersebut sebenarnya cuba menggambarkan penderitaan yang dihadapi oleh penduduk kampung yang tertindas secara berlebih-lebihan bagi menarik perhatian pembaca. Kepintaran Zakaria mencipta daya tarikan sedemikian menyebabkan cerpen *Ya Ayyuha al-Karaz al-Mansiyy* akan lebih diingati sebagai satu kritikan sosial yang kritis dan tajam.

Namun Azizi juga turut menyelitkan gaya hiperbola dalam cerpen *Sami Napuh* bagi menggambarkan kegembiraan hati Siti Aini apabila bertemu Napuh. Secara tidak

langsung, perasaan watak yang sangat teruja dan gembira turut dirasai pembaca menerusi dua ayat tersebut:

Benarlah tubuh kurus melengking macam rotan yang dibaluti kain kuning sejak beberapa tahun itu, abangnya. Terasa di waktu itu, darahnya mengalir ke tubuh sami di depannya. (Keakuan: 99).

Selain itu, kedua-dua pengarang juga cuba bermain dengan sinekdoki atau *majaz mursal* yang menggunakan ‘*alaqat al-Mahalliyyat*. Meskipun penggunaannya tidak sekerap simile atau *tasybih*, namun “kehadirannya” cukup memberi kesan yang signifikan dalam *Sami Napuh*.

“Sembilan belas tahun aku memeluk Buddha dan menjadi Sami, baru kita bertemu. Aku sangka kau sudah tak ada, adik,” kata Napuh tersekat-sekat. (Keakuan: 99).

Dalam petikan perenggan di atas, “memeluk Buddha” bukanlah bermaksud memeluk atau mendapak patung Buddha yang terdapat di tokong atau wat, tetapi membawa maksud menganuti, mempercayai, dan beramal dengan ajaran-ajaran Buddha. Sinekdoki sedemikian sebenarnya sudah meluas penggunaannya dalam pertuturan masyarakat kita seharian.

Dalam *Ya Ayyuha al-Karaz al-Mansiy*, Zakaria juga tidak ketinggalan menyelitkan gaya sinekdoki atau dalam ilmu Balaghah disebut *majaz mursal* menerusi ‘*alaqat al-Mahalliyyat*. Misalnya, perhatikan ayat pertama cerpen tersebut menerapkan *majaz mursal* yang menggunakan ‘*alaqat al-Mahalliyyat* bagi menggambarkan “kampung kami” yang kecoh dan riuh sejurus sahaja mengetahui pelantikan Umar sebagai menteri:

شَهَقَتْ ضَيْعَتُنَا مَدْهُوشَةً لَمَّا عَلِمْتُ أَنَّ عُمَرَ الْقَاسِمَ قَدْ صَارَ وَزِيرًا.

Terjemahan: *Kampung kami gempar apabila mendengar khabar bahawa Umar al-Qasim telah menjadi seorang menteri. (Dimasyq al- Hara'iq: 29).*

4.2.1.2 Daya Kreativiti dan Kritikal

Ketara sekali Zakaria Tamer dan Azizi Hj. Abdullah sangat gemar memanipulasi bahasa dengan menampilkan pelbagai jenis bahasa kiasan dalam cerpen mereka. Selain beberapa persamaan dan kecenderungan mereka berdua dalam menggunakan bahasa kiasan, kedua-duanya juga mempunyai kecenderungan menyelitkan elemen humor ke dalam karya. Unsur-unsur humor yang hadir secara tidak langsung ini menjadikan tema berat yang dikandung oleh karya terasa lebih santai. Justeru karya akan lebih “mesra pembaca” untuk dinikmati sesiapa juga.

Sebagai contoh, Zakaria dengan daya kreativiti yang tinggi menyelitkan gaya *mubalaghat* yang mengandungi elemen humor dalam dua baris dialognya:

وَعِنْدَمَا يَدْخُلُ إِلَى مَبْنَى وَرَارْتِهِ يَرْتَجِفُ الْمُوظَّفُونَ خَوْفًا وَوَسْلَامُونَ عَلَيْهِ كَأَنَّهُ عَيْسَىٰ يَنْزِلُ مِنَ السَّمَاءِ.

"وَيَأْمُرُ فَيُطَاعُ. يَقُولُ لِلْمَطَرِ: اُنزِلْ فَيَنْزِلُ."

Terjemahan:

"Ketika dia melangkah masuk ke dalam bangunan kementeriannya, pegawai-pegawainya akan menggeletar dan memberi salam kepadanya seolah-olah dia Nabi Isa yang turun dari langit."

"Apa yang diarah akan dilaksana. Dia perintahkan hujan turun, hujan pun turun."

(Dimasyq al- Hara'iq: 29).

Menerusi *tasybih mursal mujmal* َكَأَنَّهُ عِيسَىٰ يُنَزَّلُ مِنَ السَّمَاءِ (seolah-olah dia Nabi Isa yang turun dari langit) yang turut mempunyai unsur *mubalaghat*, cakap ajuk tentang perwatakan seorang menteri yang ditakuti oleh para pekerjanya kelihatan seperti melampau dan keterlaluan. Gambaran yang dilukiskan dalam *mubalaghat* sememangnya tidak menepati realiti sebenarnya dan kelihatan agak berlebih-lebihan, tetapi masih mengandungi nilai estetika.

Sebagaimana Zakaria yang mahir dan kreatif menerapkan elemen humor menerusi *tasybih*, Azizi juga memiliki kemahiran dan daya kreativiti sedemikian. Kebanyakan unsur lucu yang dihadirkan oleh Azizi diselitkannya menerusi simile atau perbandingan yang rencam sifatnya. Sebagai contoh, pembaca pastinya akan sekurang-kurangnya tersenyum membaca ayat berikut:

Kereta yang macam kura-kura patah itu merangkak lagi. Terhinggut-hinggut. Drebarnya memusing setereng ke kanan, lopak. Memusing ke kiri, lopak. Tiga kepala di dalamnya macam pak-pak lebai bertahlil. (Keakuan: 96).

Malahan, Azizi juga terkenal dengan kelazimannya menggunakan perumpamaan yang bunyinya agak kasar tetapi berunsur humor sebagaimana dalam dua contoh tersebut:

Dia tersentak bagaikan bulu ketiaknya dicabut. (Keakuan: 101).

“Baiklah, tuan,” tiba-tiba Tuan Kadi bersuara. Mukanya seperti ditampal kulit babi. (Keakuan: 104).

Selain kecenderungan menyelitkan elemen humor, Zakaria Tamer dan Azizi Hj. Abdullah juga memiliki persamaan dalam mengungkapkan sesuatu isu secara lebih kritikal. Keupayaan mereka berdua memilih objek yang sesuai dan tepat untuk dijadikan “kiasan utama” dalam karya turut menjadi perhatian pengkritik sastera. Pendek kata, segala objek atau simbol yang dipilih untuk dijadikan perbandingan memiliki makna yang signifikan dan tersendiri. Setiap satunya mempunyai fungsi.

Sebagai contoh, perumpamaan “macam kura-kura patah” adalah kiasan berbentuk sindiran yang tajam terhadap institusi agama yang jumud, lembab dan lambat bertindak menangani isu-isu umat Islam. Begitu juga perumpamaan “seperti ditampal kulit babi” yang agak kasar bunyinya, tetapi mengandungi unsur sinikal yang tidak dinafikan oleh pihak terbabit.

Zakaria juga berupaya mengetengahkan simbol-simbol yang kuat untuk dijadikan “kiasan utama” dalam karya cerpennya. “Kampung kami” misalnya adalah kiasan kepada rakyat Syria yang miskin dan menderita di luar bandar, manakala Umar al-Qasim adalah kiasan kepada pemerintah atau kerajaan sosialis yang menguasai Syria.

Ringkasnya, kedua-dua pengarang bukan sekadar menggunakan bahasa kiasan bagi tujuan memperindah karya mereka. Bahkan setiap gaya kiasan yang digunakan mempunyai fungsi dan makna yang merangkumi keseluruhan sesebuah karya itu sendiri. Bagi Azizi dan Zakaria, “kereta macam kura-kura patah” dan “kampung kami” adalah “kiasan utama” dalam kedua-dua cerpen mereka.

4.2.2 Perbezaan Antara Zakaria Tamer dan Azizi Hj Abdullah dalam

Penggunaan Bahasa Kiasan

Selain memiliki beberapa persamaan dalam penggunaan bahasa kiasan menerusi cerpen *Ya Ayyuha al-Karaz al-Mansiy* dan *Sami Napuh* yang telah dipilih bagi mewakili setiap pengarang, Zakaria Tamer dan Azizi Hj. Abdullah juga mempunyai beberapa perbezaan. Pertamanya, dari segi jenis bahasa kiasan. Keduanya, dari segi langgam bahasa kiasannya.

4.2.2.1 Jenis Gaya Kiasan

Meskipun kedua-dua pengarang mempunyai persamaan dalam penggunaan simile atau *tasybih*, personifikasi atau *isti'arat makniyyat*, hiperbola atau *mubalaghat*, mahupun metafora dan majaz, namun terdapat beberapa perbezaan dari segi kekerapan dan bentuk penggunaan gaya-gaya tersebut.

Jika diteliti dari segi kekerapan penggunaan sesuatu gaya kiasan, Zakaria Tamer ternyata lebih seimbang berbanding Azizi Hj. Abdullah. Taburan kekerapan gaya kiasannya hampir sama rata. Jika diperincikan kesemuanya, penggunaan simile atau *tasybih* seperti dalam ayat berikut dikira paling banyak mewarnai karya mereka.

Perhatikan contoh simile daripada cerpen Azizi:

Dia bagaikan tidak sabar hendak melahirkan sesuatu. Bagaikan tidak sabar hendak memperkenalkan dirinya kepada sami muda yang kurus macam rotan kena panas itu. (Keakuan: 99).

Sementara contoh tasybih dalam cerpen Zakaria:

" إِطْمَئِنِّي يَا أُمِّي إِطْمَئِنِّي، فَإِنَّكَ لَيْسَ زُجَاجًا سَهْلًا الْكَسْرَ "

Terjemahan: “*Bertenanglah ibuku, bertenanglah. Anakmu ini bukanlah kaca yang mudah pecah.*” (Dimasyq al- Hara’iq: 29).

Di antara mereka berdua, ternyata Azizi didapati lebih kerap menggunakan simile iaitu sebanyak 12 kali sepanjang penulisan cerpen *Sami Napuh*. Manakala Zakaria Tamer pula menggunakan *tasybih* sebanyak enam kali sahaja.

Namun begitu, Azizi tidak menerapkan gaya personifikasi sekerap gaya similenya. Penggunaan unsur “pengorangan” itu sama banyaknya dengan *isti‘arat makniyyat* yang digunakan oleh Zakaria, iaitu sebanyak lima kali. Walau bagaimanapun, personifikasi yang digunakan oleh Azizi Hj. Abdullah kelihatan lebih bervariasi bentuknya dan “digunakan” oleh pelbagai benda bukan manusia seperti kereta, perasaan dan hati. Manakala Zakaria Tamer hanya menumpukan gaya *isti‘arat makniyyat* pada “kampung kami”.

Selain penggunaan sinekdoki atau *majaz mursal* yang hanya sekali sahaja bagi kedua-dua pengarang, Zakaria juga menggunakan *kinayah* hanya sekali. Begitu juga Azizi yang menggunakan metafora sekali sahaja. Sebagai contoh, perhatikan *kinayah ‘an al-Siffat* yang dihadirkan oleh Zakaria pada ketika mahu memperkenalkan Umar:

كَأَنَّ شَابًا مَرْفُوعَ الرَّأْسِ، ذَا عَيْنَيْنِ وَدِيْعَتَيْنِ وَصَارِمَتَيْنِ فِي آنٍ وَاحِدٍ.

Terjemahan: *Kepalanya menojah langit. Matanya lembut tetapi tajam.* (Dimasyq al- Hara’iq:30).

4.2.2.2 Langgam Gaya Kiasan

Sementara dari segi langgam gaya kiasan, jika diteliti terdapat beberapa perbezaan antara kedua-dua pengarang berkaliber ini. Pertamanya, Azizi lebih menggemari teknik pengulangan terutamanya dalam penggunaan simile dan personifikasi. Contohnya perumpamaan dan personifikasi dalam ayat berikut:

Kereta yang macam kura-kura patah itu merangkak lagi. Terhinggut-hinggut. (Keakuan: 95).

Frasa “kura-kura patah”, “merangkak”, dan “terhinggut-hinggut” sememangnya menjadi kesukaan Azizi. Justeru pengkaji menemukan tiga ungkapan tersebut beberapa kali dalam cerpen ini. Bagi Azizi, perulangan sedemikian dapat mengukuhkan gambaran dalam minda pembaca terhadap subjek perbandingannya yang sebenar. Namun bagi pengkaji, jika diulang-ulang beberapa kali, ia mendedahkan kelemahan pengarang yang seolah-olah ketandusan kiasan yang lebih segar. Malahan, teknik sedemikian akan menjadi kurang menarik dan stereotaip sekiranya Azizi turut menggunakannya dalam karya-karyanya yang lain.

Keduanya, meskipun Zakaria dan Azizi kerap menggunakan simile dan *tasybih*, namun bentuk perumpamaan yang mereka berdua gunakan berbeza. Simile yang digunakan oleh Azizi sentiasa dilengkapi kata perbandingan *seperti*, *macam* dan *bagai*. Manakala, pengarang dari Syria itu pula hanya dua kali menggunakan *tasybih mursal mujmal* dalam cerpennya. Selebihnya, Zakaria lebih gemar menampilkan *tasybih baligh* yang menggugurkan *wajh al-Syabh* dan *adat al-Tasybih*. Sebagai contoh perhatikan *tasybih baligh* dalam ayat berikut:

" إِطْمِئِنِّي يَا أُمَّيْ إِطْمِئِنِّي، فَابْنُكَ لَيْسَ زُجَاجًا سَهْلَ الْكَسْرِ. "

Terjemahan: “*Bertenanglah ibuku, bertenanglah. Anakmu ini bukanlah kaca yang mudah pecah.*” (Dimasyq al- Hara’iq: 29).

Ketiga, objek perbandingan dalam simile yang diterapkan oleh Azizi ke dalam cerpennya lebih bervariasi berbanding Zakaria. Selain manusia, haiwan dan tumbuhan, Azizi juga menjadikan benda-benda bukan hidup sebagai objek perbandingannya. Contohnya, Azizi menggambarkan wajah Tuan Kadi yang berasa amat malu setelah disindir oleh Napuh dalam ayat berikut:

Telinga Tuan Kadi macam ditenyeh-tenyeh cili. (Keakuan: 104).

Selain itu, kecenderungan Azizi menampilkan haiwan sebagai objek perbandingan juga sangat ketara dalam karya-karyanya yang lain. Haiwan-haiwan yang kotor seperti kura-kura, biawak, babi, dan cacing sering menjadi pilihan Azizi apabila mahu membina perumpamaan kepada sesuatu perkara yang negatif menurut pandangannya. Simile seumpama itu tentu sahaja berbunyi agak kasar, namun ia “dilembutkan” dengan unsur-unsur kelucuan melalui sifat atau perlakuan tertentu kepada haiwan-haiwan tadi.

Contohnya:

Kereta yang macam kura-kura patah itu merangkak lagi. (Keakuan: 95).

Mukanya seperti ditampal kulit babi. (Keakuan: 104).

Walau bagaimanapun, Zakaria pula mempunyai daya kreatif yang tinggi dalam menghadirkan unsur *mubalaghat* dalam tasybihnya. Lebih menarik lagi *tasybih* tersebut diungkapkannya menerusi cakap ajuk sebagaimana berikut:

"وَعِنْدَمَا يَدْخُلُ إِلَى مَبْنَى وَرَارَتِهِ يَرْجِفُ الْمُوظَّفُونَ خَوْفًا وَيُسَلِّمُونَ عَلَيْهِ كَأَنَّهُ عَيْسَىٰ يَنْزِلُ مِنَ السَّمَاءِ."

Terjemahan:

"Ketika dia melangkah masuk ke dalam bangunan kementeriannya, pegawai-pegawainya akan menggeletar dan memberi salam kepadanya seolah-olah dia Nabi Isa yang turun dari langit." (Dimasyq al- Hara'iq: 29)

4.3 PENUTUP

Penggunaan bahasa kiasan adalah satu unsur manipulasi bahasa. Manipulasi bahasa ini telah menjadi identiti kepada karya-karya Zakaria Tamer dan Azizi Hj. Abdullah. Sebagai pengarang sastera moden yang mapan dan berkaliber, mereka berdua sememangnya berjaya memperlihatkan gaya bahasa yang tersendiri sehingga berupaya memancarkan identiti masing-masing.

Kesimpulannya, bahasa kiasan yang terdapat dalam cerpen Zakaria Tamer dan Azizi Hj. Abdullah yang dikaji memperlihatkan satu gaya bahasa yang bukan sekadar menjadi identiti kepada pengarang, tetapi juga memberi kesan kepada pemahaman karya dan memberi kepuasan kepada pembaca. Sesuatu bahasa kiasan yang digunakan pengarang telah dijelaskan dalam konteks yang sesuai dengan naratif cerpen yang disampaikan. Meskipun karya-karya yang dibincangkan dalam kajian ini masih boleh berdiri dengan teguh tanpa penggunaan bahasa kiasan, namun bahasa kiasan yang diterapkan oleh kedua-dua pengarang mempunyai peranan tambahan iaitu menjelaskan maksud atau pemikiran yang hendak disampaikan secara lebih tepat, jelas, tegas dan kemas.

Selain banyak ditemui persamaan gaya bahasa kiasan dalam cerpen kedua-dua pengarang, terdapat juga beberapa perbezaan dari segi jenis dan bentuknya. Hal tersebut tentu sahaja disebabkan oleh latar budaya dan latar bahasa pengarang yang berbeza. Tambahan pula, bahasa kiasan Arab jauh lebih kaya, luas dan spesifik berbanding bahasa-bahasa lainnya.